UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

MENTERI SUMBER MANUSIA UMUM NTW 2025

HRD Corp mensasarkan 1 juta peserta melalui 70,000 program latihan dan 1,000 aktiviti berimpak tinggi.

Kuala Lumpur, 26 Februari 2025 – Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Steven Sim Chee Keong hari ini mengumumkan tarikh National Training Week (NTW) 2025, yang akan berlangsung dari 14 hingga 21 Jun 2025 di seluruh negara.

Diterajui oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), NTW 2025 memasuki tahun ketiga dalam memperkasakan individu dan organisasi melalui usaha pembangunan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hajat. Diperkenalkan pada 2023, NTW kini menjadi gerakan pembangunan kemahiran Malaysia yang menawarkan akses percuma kepada peluang pembelajaran dan pembangunan untuk semua lapisan masyarakat.

NTW tahun ini akan membawa impak yang lebih besar, selari dengan Pengerusian Malaysia dalam ASEAN untuk menerajui transformasi tenaga kerja di peringkat serantau. Dengan tema 'Pembelajaran Tanpa Sempadan', NTW 2025 akan terus menyediakan akses kepada peluang latihan berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang, sambil memperluaskan jangkauannya ke negara-negara ASEAN.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, bersama Datuk Azman Mohd Yusoff, Ketua Setiausaha KESUMA dan Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Pegawai Eksekutif HRD Corp.

Yang Berhormat Steven Sim berkata, kejayaan HRD Corp dalam menganjurkan NTW amat membanggakan apabila ia boleh dikatakan sebagai karnival pembelajaran terbesar di dunia.

UNTUK SIARAN SEGERA

"Berdasarkan pencapaian cemerlang NTW pada tahun lepas, saya mengarahkan HRD Corp pada tahun ini agar sasaran penyertaan dinaikkan kepada 1 juta manakala sasaran kursus dan latihan yang ditawarkan pula ditingkatkan kepada 70,000 dengan nilai RM750 juta.

"Sekiranya tercapai, ia akan mengukuhkan kedudukan kita sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat terbesar di seluruh rantau ini," katanya dalam ucapannya ketika melancarkan NTW 2025 di sini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Program HRD Corp yang juga Pengerusi NTW 2025, Encik Soffian Amin berkata, NTW telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai keinginan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan.

"Kita akan meneruskan misi kita di peringkat ASEAN dan berharap akan dapat menyebarkan 'virus' (pembelajaran sepanjang hayat) ini ke seluruh rantau.

"HRD Corp juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan kongsi NTW yang kebanyakannya telah menyokong inisiatif ini sejak tahun pertama lagi," ujarnya.

Susulan kejayaan NTW 2024 yang mencatat lebih 375,000 penyertaan, lebih 65,000 program latihan, dan 700 aktiviti pembelajaran dan pembangunan (L&D), NTW 2025 kini menetapkan sasaran untuk meningkatkan kemahiran 1 juta individu menerusi lebih 70,000 program latihan dan 1,000 aktiviti L&D berimpak tinggi.

NTW 2025 akan menampilkan beberapa program utama termasuk Forum Menteri, di mana penggubal dasar dan pemimpin industri akan membincangkan strategi untuk transformasi tenaga kerja; Program Inklusi Neurodiversiti, bertujuan untuk memperkasakan individu neurodivergent dengan kemahiran kebolehpasaran; program peningkatan PKS; program industri berimpak tinggi dan banyak lagi.

Aktiviti utama akan berlangsung di seluruh negara dari 14 hingga 21 Jun 2025, menawarkan pelbagai program latihan, inisiatif peningkatan kemahiran, dan sesi perkongsian ilmu dalam format fizikal dan maya.

UNTUK SIARAN SEGERA

HRD Corp mengalu-alukan majikan, penyedia latihan, dan individu untuk menyertai agenda nasional ini sebagai rakan strategik dan rakan kolaborator NTW 2025. Pihak yang berminat boleh menghubungi HRD Corp melalui e-mel di taskforce@nationaltrainingweek.gov.my atau mendapatkan maklumat lanjut di laman web rasmi NTW di https://www.nationaltrainingweek.gov.my/.

-TAMAT-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan. Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – **www.hrdcorp.gov.my**.